

# Raja Perlis terima menghadap Ketua Setiausaha Negara

um | 9.1.13 | 22/11 A | P5

KANGAR 8 Jan. - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid hari ini berkenan menerima menghadap Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa dan isteri, Datin Seri

Rohani Abdullah di Istana Arau.

Berangkat sama ke majlis itu Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil, bersama-sama Ketua Pengarah ICU, Datuk Shukry Mohd. Salleh

dan Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Mohamad Zabidi Zainal.

Ali dalam rangka lawatan kerja sehari ke Perlis termasuk menemui kakitangan perkhidmatan awam di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Ulu Pauh dan meninjau projek pem-

angunan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di kawasan Titi Tinggi.

Sebelum itu, beliau menemui Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu di pejabatnya.

Dalam perkembangan lain, Md Isa turut menerima kunjungan hor-

mat Duta Besar Indonesia, Herman Prayitno dan isteri, Ratna Andarwaty yang kini dalam lawatan kerja dua hari ke negeri ini.

Ini lawatan pertama duta besar itu ke Perlis selepas memegang jawatan tiga bulan lepas. - BERNAMA